

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK LIANG TECK MENG  
(SIMPANG RENGAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 15.03.2018**

**Y.B. DATUK LIANG TECK MENG [ SIMPANG RENGAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian telah/sedang melakukan sebarang kajian berhubung implikasi dan kesan ke atas perwujudan e-payment yang bakal menjadi medium penting dalam urusan jual beli kepada rakyat Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan kaedah pembayaran elektronik (e-pembayaran) memberikan manfaat kepada pengguna dan peniaga kerana e-pembayaran lebih selamat berbanding dengan cek dan wang tunai, pantas, mudah digunakan

dan memberikan penjimatan kos yang lebih tinggi. Penggunaan e-pembayaran secara meluas berpotensi untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Bank Pusat Eropah (*European Central Bank*) pada tahun 2012, negara yang mempunyai kadar penggunaan e-pembayaran yang tinggi berpotensi untuk menikmati penjimatan kos sebanyak 1% daripada nilai keluaran dalam negeri kasar (*Gross Domestic Product, GDP*). Perpindahan kepada e-pembayaran juga akan menyumbang ke arah pengurangan saiz ekonomi tidak formal. Ini seterusnya akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan produktiviti, serta meningkatkan hasil cukai negara.

Oleh itu, inisiatif untuk mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran merupakan salah satu keutamaan nasional seperti termaktub dalam Program Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Plan, ETP*) negara. Di samping itu, Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah membangunkan satu pelan tindakan sepuluh tahun (*10-year roadmap*) untuk memacu negara ke arah e-pembayaran seperti yang digariskan di bawah Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 (*Financial Sector Blueprint 2011-2020*). Selain itu, pelbagai inisiatif juga telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia untuk memperkasakan peniaga dan usahawan tempatan menerusi ekonomi digital seperti inisiatif Zon Perdagangan Bebas Digital (*Digital Free*

*Trade Zone, DFTZ*) yang dilancarkan tahun lepas. Pendekatan sebegini tidak unik bagi Malaysia. Baru-baru ini, negara-negara serantau seperti Singapura, Thailand dan India juga telah mengeluarkan pelan tindakan e-pembayaran masing-masing untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing negara dengan menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas.

Untuk menggalakkan lebih banyak individu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menggunakan kaedah e-pembayaran, BNM telah memperkenalkan Dana Insentif e-Pembayaran (*e-Payment Incentive Fund, ePIF*). Antara tahun 2015 hingga 2017, sebanyak RM175.2 juta telah dimanfaatkan oleh individu dan PKS melalui bengkel latihan e-pembayaran yang dianjurkan oleh institusi perbankan di samping pelbagai diskaun dan pelepasan fi untuk perbankan Internet dan perbankan mudah alih. Ini termasuk pelepasan fi langganan perbankan internet, fi token keselamatan dan fi transaksi e-pembayaran.

Dalam usaha memupuk kesedaran dan meningkatkan keyakinan awam dalam penggunaan e-pembayaran, BNM telah menganjurkan Siri Jelajah e-Pembayaran Nasional tahunan (*National E-Payment Roadshow*) sejak tahun 2013 dengan kerjasama Persatuan Bank-bank

dalam Malaysia (ABM) dan Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM). Pesanan khidmat masyarakat mengenai cara penggunaan e-pembayaran yang selamat juga disiarkan menerusi pelbagai saluran media untuk mendidik pengguna dan memastikan tiada lapisan pengguna yang ketinggalan dalam arus teknologi pembayaran. Usaha berterusan juga diambil oleh pihak BNM dan industri perbankan untuk mempertingkatkan keselamatan dan keteguhan sistem e-pembayaran selaras dengan perkembangan teknologi dan landskap sistem pembayaran di Malaysia.

23

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID BIN  
YUSOF RAWA  
[ PARIT BUNTAR ]**

**TARIKH : 15.3.2018 (KHAMIS)**

**SOALAN : 18**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah projek luar bandar yang telah dilaksanakan di daerah Kerian dan berapakah perbelanjaannya.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah siap melaksanakan sejumlah 241 projek luar bandar khusus di Daerah Kerian melibatkan kos perbelanjaan projek berjumlah RM11.66 juta sepanjang Rancangan Malaysia Kesebelas (RMke-11) dari tahun 2016 hingga 2017.